



22 Disember 2017
22 December 2017
P.U. (A) 403

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PERTUKARAN AUTOMATIK MAKLUMAT AKAUN KEWANGAN) (PINDAAN) 2017

INCOME TAX (AUTOMATIC EXCHANGE OF FINANCIAL ACCOUNT INFORMATION) (AMENDMENT) RULES 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PERTUKARAN AUTOMATIK MAKLUMAT
AKAUN KEWANGAN) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(c) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan) (Pindaan) 2017**.

Pindaan kaedah 3

2. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan) 2016 [*P.U. (A) 355/2016*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam subkaedah 3(1) dengan menggantikan takrif “Standard” dengan takrif yang berikut:

‘ “Standard” ertinya Standard Pelaporan Bersama yang dinyatakan dalam Standard Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan dalam Hal-Hal Percukaian yang diluluskan oleh Majlis Pertubuhan Pembangunan dan Kerjasama Ekonomi sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.’

Kaedah baharu 3A

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 3 kaedah yang berikut:

“Pemakaian Standard

3A. Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, Standard hendaklah terpakai secara konsisten dengan Ulasan kepada Standard Pelaporan Bersama yang dinyatakan dalam Standard Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan dalam Hal-Hal Percukaian yang diluluskan oleh Majlis Pertubuhan Pembangunan dan Kerjasama Ekonomi sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.”

Pindaan kaedah 4

4. Kaedah 4 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam subkaedah (4), dengan menggantikan subkaedah (4) dengan subkaedah yang berikut:

“(4) Akaun Kewangan yang disebut dalam subkaedah (1) tidak termasuk apa-apa Akaun Dikecualikan—

(a) sebagaimana yang ditakrifkan dalam subperenggan C(17)(a) hingga (f) Seksyen VIII Standard; dan

(b) sebagaimana yang ditakrifkan dalam subperenggan C(17)(g) Seksyen VIII Standard dan yang disenaraikan sebagai Akaun Dikecualikan dalam Jadual 2 Kaedah-Kaedah ini.”;

- (b) dalam subkaedah (5), dengan menggantikan perkataan “Jadual ialah tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual” dengan perkataan “Jadual 1 ialah tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengannya dalam ruang (3)”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subkaedah (10) subkaedah yang berikut:

“(11) Bagi maksud untuk mengguna pakai tatacara usaha wajar sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen II hingga VII Standard, “Wilayah Bidang Kuasa Kena Lapor” yang dinyatakan dalam subperenggan D(4) Seksyen VIII Standard adalah mana-mana wilayah bidang kuasa selain dari Malaysia.”.

Pindaan kaedah 7

5. Kaedah 7 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam subkaedah (2), dengan menggantikan perkataan “setakat penutupan akaun” dengan perkataan “penutupan akaun”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subkaedah (5) subkaedah yang berikut:

“(5A) Bagi maksud kewajipan pelaporan yang dinyatakan dalam Seksyen I Standard, “Wilayah Bidang Kuasa Kena Lapor” yang dinyatakan dalam subperenggan D(4) Seksyen VIII Standard adalah wilayah bidang kuasa yang terdapat dalam senarai Wilayah Bidang Kuasa Kena Lapor yang ditentukan dan disiarkan oleh Ketua Pengarah.”.

Kaedah baharu 13

6. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 12 kaedah yang berikut:

“Peruntukan khas bagi pelaporan Akaun Individu Sedia Ada

13. Bagi maksud subkaedah 7(1), Institusi Kewangan Pelapor hendaklah mengemukakan penyata maklumat kepada Ketua Pengarah berhubung dengan tiap-tiap Akaun Individu Sedia Ada yang dikenal pasti oleh Institusi Kewangan Pelapor itu sebagai Akaun Kena Lapor yang disenggara oleh Institusi Kewangan Pelapor itu pada atau sebelum tarikh yang berikut:

- (a) 31 Julai 2018 bagi Akaun Nilai Tinggi; dan
- (b) 31 Julai 2019 bagi Akaun Nilai Rendah.”.

Pindaan Jadual

7. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan tajuk Jadual dengan tajuk “JADUAL 1”.

Jadual baharu 2

8. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas JADUAL 1 Jadual yang berikut:

“JADUAL 2
[Perenggan 4(4)(b)]

Akaun Dikecualikan

Bagi maksud Standard, Akaun Dikecualikan adalah seperti yang berikut:

- (a) Suatu akaun depositori yang merupakan akaun dormant (selain Kontrak Anuiti)—
- (i) dengan baki tidak melebihi USD1000.00;
 - (ii) jika pemegang akaun tidak pernah memulakan transaksi berkenaan dengan akaun itu atau apa-apa akaun lain yang dipegang oleh pemegang akaun itu dengan Institusi Kewangan Pelapor dalam tempoh tiga tahun terdahulu;
 - (iii) jika pemegang akaun tidak berhubung dengan Institusi Kewangan Pelapor mengenai akaun itu atau apa-apa akaun lain yang dipegang oleh pemegang akaun itu dengan Institusi Kewangan Pelapor dalam tempoh enam tahun terdahulu; dan
 - (iv) berhubung dengan Kontrak Insurans Nilai Tunai, jika Institusi Kewangan Pelapor tidak berhubung dengan pemegang akaun mengenai akaun itu